

15/06/1998

Giliran rakyat untuk bantu kerajaan

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam melancarkan karnival anjuran Pemuda Barisan Nasional (BN) untuk mengumpul sumbangan bagi Dana Khas Negara. Dalam suasana kegawatan ekonomi sekarang, mungkin ramai yang mempertikaikan pengertian karnival yang biasanya sinonim dengan majlis bersuka ria dan pembaziran, sebaliknya karnival yang diadakan itu berbeza coraknya.

Ia sebenarnya tidak ada kaitan dengan pesta pembaziran, sebaliknya ia adalah pesta mengumpul wang. Malah, karnival dihadiri semua pemimpin 14 parti komponen BN itu mempunyai tema sejajar dengan gerakan rakyat iaitu 'Menjana Sokongan Menangani Kegawatan'. Dr Mahathir yang juga pengerusi BN, menerima sumbangan daripada pelbagai pihak termasuk parti komponen BN dan tokoh korporat untuk dana berkenaan. Sebanyak RM3 juta dikumpul pada karnival itu. 'Dana Untuk Malaysia' itu akan dibuka sehingga 15 Julai ini. Dalam tempoh lebih sebulan lagi, rakyat boleh menunjukkan sokongan mereka menerusi derma masing-masing.

Setiap individu tidak perlu menderma dengan jumlah besar. Mereka boleh berbuat demikian sekadar yang termampu. Jika setiap orang menderma, walaupun sedikit, bila dikumpulkan, jumlahnya menjadi besar.

Kita memuji langkah Pemuda BN ini kerana melakukan sesuatu tindakan yang kita anggap berfaedah untuk kemakmuran rakyat dan negara. Selain membuktikan sokongan padu semua parti dalam BN terhadap usaha kerajaan menangani masalah ekonomi hari ini, gerakan itu mengajak rakyat supaya insaf bahawa isu yang dihadapi hari ini adalah isu rakyat yang perlu ditangani bersama. Kerajaan sudah melakukan pelbagai usaha untuk mengurangkan beban rakyat. Adalah tidak adil jika rakyat sendiri tidak melakukan sesuatu untuk membantu kerajaan.

Jika rakyat dan kerajaan bergabung tenaga untuk sama-sama menyelesaikan masalah yang kita hadapi hari ini, kita percaya tidak ada anasir luar yang boleh mengambil kesempatan daripadanya. Jika ekonomi negara pulih kelak, ia bukanlah semata-mata usaha kerajaan tetapi rakyatlah yang sebenarnya seharusnya diberi pujian. Kita tidak mempersoalkan kemampuan rakyat memberi sumbangan kepada tabung ini kerana selama ini kekayaan yang mereka perolehi adalah menerusi dasar kerajaan yang memberikan mereka peluang berniaga dan bekerja. Oleh itu, ketika kerajaan memerlukan bantuan mereka, sudah tentulah prinsip ada ubi ada batas dan ada budi ada balas, terpakai dengan sendirinya.

Bagi sektor swasta terutamanya syarikat sama ada besar atau kecil, kita percaya ketika negara maju, mereka sudah membuat banyak keuntungan. Sekarang adalah masa mereka membalas jasa. Jika ada wang lebih, eloklah dirasakan keuntungan mereka pada masa lalu turut disalurkan ke dana berkenaan. Apabila ekonomi pulih, mereka boleh membuat untung baru. Lagi lewat keadaan ekonomi hari ini dipulihkan, lewat pulalah mereka dapat menjalankan operasi seperti biasa. Bertambah parah ekonomi negara, bertambah parah jugalah syarikat mereka. Disebabkan pertalian yang begitu rapat, kita berharap semua pihak dapat memainkan peranan masing-masing dengan matlamat mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

Disebabkan kutipan dana ini tidak ada unsur paksaan, setiap kita seharusnya bertanya diri sendiri sama ada kita perlu menderma atau sebaliknya. Jika wang yang dibelanjakan sekadar cukup untuk keperluan keluarga, tidak perlulah mereka mengeluarkan wang untuk didermakan. Golongan seperti ini boleh berkorban dengan cara lain. Jika mereka

menggunakan barang keluaran tempatan dan berhemat ketika berbelanja pun, sudah cukup membuktikan bahawa mereka turut membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi. Sebaliknya, jika mereka masih belum mengubah cara hidup, terus membeli barangan import dan masih membawa keluarga melancong ke luar negara, mereka melakukan sesuatu yang bertentangan dengan hasrat negara walaupun tidak ada orang lain yang berhak melarang mereka daripada berbuat demikian. Kita percaya dana seperti ini tidak akan wujud jika keadaan ekonomi negara terus mantap. Tetapi, disebabkan kita sedar kerajaan memerlukan wang selepas terlalu banyak dibelanjakan untuk mengimbangi keadaan, dirasakan tidak salah jika kita sama-sama menghulurkan bantuan.

Bagi urusan kutipan dana ini, kita percaya ramai rakyat yang ingin menyalurkan bantuan tetapi masih tidak jelas dengan caranya. Kita berharap Pemuda BN menyediakan segala keperluan bagi memudahkan rakyat berbuat demikian. Walau sekecil mana bantuan diberikan, layanan yang sama perlulah diberikan.

(END)